

# KEBUDAYAAN ISLAM

## Pengaruh Seni Lukis Islam

Setelah menghuraikan bagaimana besarnya pengaruh seni lukis Islam di Eropah, maka Prof Kristi telah menutup makalahnya yang berharga ini dengan berkata: “Demikianlah Islam telah menampung peradaban dunia ini, bukan untuk bangsa Arab yang mula pertama menerimannya sebagai agama, tetapi telah dapat dinikmati oleh seluruh umat manusia.” – Pengarang Qalam.

(Oleh: Prof Dr A. H. Kristi)

Seni lukis Islam telah jejak di Eropah sebelum kurun Masihi yang ketujuh belas. Tidak ada perselisihan faham orang tentang kebenaran pendapat ini. Yang menjadi penyelidikan sekarang, sampai ke mana Islam telah mempengaruhi seni lukis Eropah.

Salah seorang pelukis Eropah yang terpengaruh oleh seni lukis Islam ialah Rembrandt, ia disebut juga “Van Rijn” seorang pelukis Belanda, diperanakkan di Leiden dalam tahun 1608, dan mati pada tahun 1669. Sebuah gambar yang sangat mempengaruhinya ialah gambar “keluarga Raja di Dehli – India. Gambar itu telah dibawa dari timur ke negeri Belanda, kemudian Rembrandt melukiskannya semula.

Banyak lagi pelukis-pelukis Eropah yang mendapat pengaruh dari lukisan-lukisan Islam ini, di antaranya seorang pelukis Itali yang terkenal: Raphael Santi, yang hidup antara tahun 1480-1520M., diperanakkan di “Urbino”. Bagi mengulangi jejak pengaruh Islam itu kembali di seluruh Eropah, memang agak sukar

dilakukan. Akan tetapi pengaruh Islam itu mudah dapat dilihat di Itali selama kurun yang kelima belas dan yang keenam belas. Rupanya pengaruh lukisan Islam itu masuk ke Eropah lebih banyak dengan melalui negeri Itali.

Sebelum orang Islam menguasai bahagian daerah barat (Sepanyol), pengaruh lukisan Islam itu telah sampai juga ke Eropah.

Bagaimana Rembrandt telah dipengaruhi oleh Islam dalam lukisannya, dijelaskan oleh penulis Eropah, F. Sari, dalam sebuah bukunya yang diterbitkan dalam tahun 1904. Pelukis-pelukis Eropah mendapat contoh tentang bentuk berjenis-jenis binatang dari gambar-gambar yang telah dilukis oleh pelukis-pelukis Islam. Gambar-gambar ini kelihatan menjelma kembali dari pelukis-pelukis Eropah dalam kurun yang ketujuh belas Masihi. Ada sebuah buku bahasa Latin yang membentangkan bagaimana pelukis-pelukis Eropah telah meniru lukisan-lukisan Islam. Buku itu bernama Aposalifi dikarang oleh Betos, dan sekarang

tersimpan dalam “Biblioteca Nacional”, di Paris.

Hal ini juga telah disebut oleh J. Evola dalam bukunya “Orient et Occident” yang diterbitkan di Paris dalam tahun 1928.

Sekolah seni rupa yang dinamakan Limoges yang sangat terkenal dalam Zaman Pertengahan, ialah sebuah sekolah menggambar yang dinaungi oleh pengaruh lukisan Islam. Perhubungan secara langsung dalam dunia seni rupa ini antara Kristian Eropah dengan dunia Islam tidak begitu jelas kelihatan, seperti yang didapati pada seni pahat, binaan-binaan dan pekerjaan pertukangan logam.

Pengaruh kebudayaan Islam di Eropah, sebahagian besar disebabkan oleh kerana masuknya barang-barang Islam itu ke negeri-negeri benua itu cara yang digunakan oleh ahli-ahli seni Eropah dalam pekerjaan menggambar dan melukis adalah seluruhnya cara pelukis-pelukis Islam. Kebanyakan pengaruh ini datangnya dari berbagai-bagi corak kain-kain sutera orang-orang Islam yang dibawa masuk ke Eropah. Kadang-kadang kita jumpai bentuk Eropah itu menunjukkan berasal dari daerah-daerah yang jauh dari dunia Islam, umpama India, negeri China dan lain-lainnya. Dengan demikian kelihatan seolah-olah Eropah menerima pengaruh dari negeri-negeri yang tersebut dengan secara langsung. Sebenarnya bukan demikian, orang-orang Islamlah yang membawa bentuk-bentuk itu ke Eropah.

Berbagai jenis seni tua yang telah sampai ke Eropah, dan dengan adanya itu, orang menyangka bahawa orang-orang Eropah sendiri yang memperolehnya dengan secara langsung dari sumber seni itu sendiri, umpamanya dengan gambar “Pohon Suci” orang “Kaldan”. Sebenarnya gambar-gambar itu dibawa oleh orang-orang Islam ke sana. Orang Islam memperolehnya dari pelukis-pelukis kaum “Sasan”.

Pohon Suci ini biasa dinamakan “Pohon Kehidupan”,

yang biasanya dilukiskan dengan diapit oleh dua ekor binatang yang berhadap-hadapan. Pelukis Eropah biasa meniru gambar-gambar itu dengan menghilangkan kayunya. Padahal di timur, kayu itu yang diutamakan dan itulah yang menjadi gambar utama dalam lukisan itu. Akan tetapi pelukis-pelukis Eropah tidak tertarik kepada yang demikian itu, mereka hanya tertarik kepada binatangnya. Itulah sebabnya di Eropah telah diciptakan oleh berbagai-bagi pelukis, gambar-gambar binatang, yang sebenarnya tidak ada wujudnya di Eropah. Mereka meniru itu dari gambar-gambar Islam yang sampai di Eropah.

Selain daripada itu, gambar-gambar tua yang didapati sebelum Islam, kemudian dalam zaman Islam dilukis semula, besar pula pengaruhnya di Eropah. Di antara gambar-gambar yang seperti itu, didapati gambar-gambar binatang yang berkepala dua. Kebanyakan gambar-gambar ini lebih banyak pengaruhnya dalam seni rupa daripada seni biasa di Eropah. Seni rupa yang berdasarkan binatang-binatang yang berkepala dua, yang diambil dari lukisan-lukisan Islam, kebanyakannya kita dapat di Eropah pada batu-batu peringatan dan dalam gereja-gereja Kristian....

Ada beberapa keadaan yang menyebabkan banyaknya bentuk gambar pelukis-pelukis Islam ini banjir di Eropah. Pertama kerana terjadinya “Perang Salib”. Orang-orang Eropah yang mengharungi Perang Salib (dan melanggar dunia Islam itu) ada yang tertarik kepada seni lukisan-lukisan itu lalu membawanya ke Eropah sebagai contoh yang lainnya membawa ke Eropah sebagai buah tangan dari timur. Selain daripada itu, kerana wujudnya beberapa pelabuhan perdagangan Eropah yang didatangi dengan secara langsung oleh kapal-kapal perdagangan Islam. Di antara pelabuhan-pelabuhan yang tersebut ialah Geneva, Pisa dan Venice. Sudah menjadi suatu kebesaran dan merasa bangga pada zaman itu bagi orang-orang Eropah

yang menyimpan lukisan-lukisan Islam di rumahnya. Oleh sebab itu, "Sekolah Lukis" yang didirikan oleh Sinis kebanyakannya membuat gambar-gambar yang berdasarkan bentuk Islam. Pengaruh ini lebih jelas kelihatan dari hasil seni Itali yang dinamakan "Seni Tuscany".

Gambar serban dan bentuk muka orang timur, kelihatan pada lukisan-lukisan Itali, semenjak permulaan kurun Masihi yang keempat belas. Gambar-gambar yang demikian ini ditiru dari lukisan-lukisan Islam. Bentuk-bentuk asing yang menjelma dalam lukisan-lukisan Eropah itu menyatakan bagaimana dalamnya Islam telah mempengaruhi mereka dalam lapangan seni rupa.

Pelukis-pelukis Eropah itu menggambarkan kuda air, menggambarkan monyet dan burung nuri, semuanya itu ditirunya dari gambar-gambar pelukis-pelukis Islam yang dilukiskan sebagai hiasan pada permaidani-permaidani dan pakaian. Haiwan dan benda-benda itu sebenarnya tidak ada wujudnya di Eropah. Gambar-gambar pemandangan pun, melihat kepada corak kayu-kayunya, mengetahuilah kita bahawa lukisan-lukisan pemandangan itu pun asalnya daripada lukisan-lukisan Islam belaka. Semua lukisan yang zahir dalam Zaman Pertengahan di Eropah itu, sebahagian besar ialah tiruan dari lukisan-lukisan Islam.

### **Huruf-huruf Arab**

Yang sangat menjadi perhatian ialah kebiasaan orang-orang Eropah menghiasi gambar-gambar pada berbagai-bagi alat rumahtangganya, dengan menggunakan huruf-huruf Arab. Pada hal mereka itu tidak mengetahui huruf itu. Mereka membuat yang demikian hanyalah meniru-meniru sahaja, kerana tertarik kepada keindahannya dipandang dari segi perhiasan. Indah rasa memandang ini menjadi suatu yang terpenting dalam pengertian menilai seni rupa.

Lapangan ini sangat besar mempengaruhi pekerja-pekerja Kristian. Keadaan ini telah menarik perhatian orang-orang terpelajar Eropah bagi menyelidikinya lebih jauh. Semenjak "Adrian de Longfrie" mengeluarkan tulisannya tentang ini

dalam majalah "Review Archeology", maka terbukalah mata orang, bahawa sebenarnya orang-orang Eropah itu telah dipimpin dalam dunia seni oleh orang Islam.

Kemudian pekerjaan yang telah dimulai dalam tahun 1846 oleh Adrian de Longfrie itu telah dilanjutkan oleh ahli-ahli pengetahuan purbakala dengan memperoleh bahan-bahan yang sebanyak-banyaknya. Bahagian besar dari bahan-bahan itu telah dituliskan dengan gilang gemilang oleh Prof Dr A.H Kristi dalam "Burlington Magazine" dengan tajuk "Perkembangan Perhiasan Eropah dari Tulisan Arab."

Sebahagian dari lukisan-lukisan Eropah yang membawa pengaruh tulisan Arab ini, ialah pelukis Itali yang bernama Giotto. Pada sebuah lukisannya yang bernama "Resurrection of Lazarus", digambarkannya hiasan-hiasan huruf Arab itu pada bahu kanan Nabi Isa. Lukisan ini sekarang disimpan dalam Arena Chapel de Padua.

Pelukis-pelukis Itali "Fra Angelico" dan "Fra Lippo Lippi", tidak merasa puas melukis gambar kalau hiasan huruf Arab itu tidak ditaburkan di dalamnya. Sebuah daripada lukisannya yang bernama "Phobatan Anak Dara" pakaian anak dara ditaburi dengan hiasan-hiasan huruf Arab itu. Penyelidikan-penyelidikan kemudian menganggarkan bahawa pelukis-pelukis ini memperolehi tiruan huruf Arab dari kain-kain sutera, lampu-lampu (*candle*) dan pasu-pasu Islam yang dimasukkan orang ke Eropah. Dengan demikian, ternyata betapa dalamnya pengaruh kebudayaan Islam ini di Eropah.

\*

Demikianlah Islam telah menampung peradaban dunia ini, bukan untuk bangsa Arab yang mula pertama menerimanya sebagai agama, tetapi telah dapat dinikmati oleh seluruh umat manusia.  
-Diringkaskan dari "Media" Jogjakarta.